



### **Percaturan Politik Pulai Bawa Padah.**

35 tahun memimpin satu era yang panjang tetapi sayangnya segala masalah masih lagi kedengaran. masalah setingan Kg. Aman, Kg. Muafakat, Kg. dato Onn Jaafar semuanya menjadi tanda tanya pengundi Pulai. Apakah pengundi Pulai masih lagi memerlukan kepimpinan dinasti Tok mat?

Kepimpinan Pulai lepas tangan apabila sebilangan besar cawangan-cawangan dlm. Pulai masuk ke Bahagian Johor Bahru kerana pensempadan baru.

Yang pening Dato' Dhahir kerana terpaksa menyelesaikan masalah yang telah lapuk ini. dato' Shahrir punyai platform yang baik dengan kepimpinan Dato' Ghani Othman dan mampu menangani semua isu ini.

Isu ini terbukti apabila pada 18 Januari 2004, semasa penyerahan 31 cawangan-cawangan memasuki bahagian Johor Bahru, beberapa Ketua-Ketua Cawangan terlibat telah meluahkan isi-hati mereka semasa majlis dialog bersama Dato' Shahrir diadakan.

Isu-isu rumah-tangga ini tidak habis begitu saja tetapi isu kepimpinan Pulai telah menjadi buah-mulut perbualan di warung-warung sekitar Johor Bahru. Kini pengundi Pulai perlu melakukan pembaharuan dan perlu dengan bijak membuat pemilihan yang tepat untuk menghadapi pilihanraya akan datang